

Perlu RM211 juta baik pulih kemudahan awam

SUNGAIMANIK - Kerajaan negeri memerlukan sekurang-kurangnya RM211 juta untuk membaik pulih kemudahan awam terutama jalan raya dan sistem pengairan yang rosak akibat bencana banjir, baru-baru ini.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin berkata, jumlah itu meliputi RM95.4 juta untuk Jabatan kerja Raya (JKR) menjalankan kerja-kerja baik pulih laluan dan peruntukan RM116.5 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memperbaiki

tebing sungai yang rebak.

Menurutnya, berdasarkan pemantauan dibuat, kebanyakan jalan raya rosak meliputi kawasan di daerah Perak Tengah, Hulu Perak dan Kuala Kangsar.

"Kerajaan negeri menyedari bahawa perkembangan kegiatan ekonomi negara bergantung kepada sistem perhubungan awam yang sempurna terutama membabitkan jalan raya.

"Oleh itu, kerajaan negeri memandang serius terhadap kerosakan ini dan sedang ber-

usaha mengatasinya dengan segera, usaha kerja baik pulih jalan di lokasi terbabit sedang digerakkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan khas persekolahan RM100 kepada 189 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Chikus, di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Zainol Fadzi yang juga Adun Sungai Manik berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini sedang fokus untuk memastikan kesemua mangsa



ZAINOL FADZI

banjir yang sudah pulang ke kediaman mendapat bekalan elektrik.



Sekurang-kurangnya RM211 juta diperlukan untuk membaik pulih kemudahan awam terutama jalan raya dan sistem pengairan yang rosak akibat banjir, baru-baru ini.

Beliau berkata, kesemua 88 pencawang yang terbabit dengan musibah banjir telah diberikan bekalan, namun buat

masa ini, TNB masih belum membuat anggaran kerugian secara muktamad terhadap kerosakan dialami.